

Headline	SOJC 2018 dapat tajaan korporat berjumlah RM2.1 juta		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	62
ArticleSize	265 cm ²	Journalist	MOHD. IZUAN
PR Value	RM 20,711		



SOJC 2018 dapat tajaan korporat berjumlah RM2.1 juta

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

KEJOHANAN Hoki Antarabangsa bawah 21 tahun (B-21) Piala Sultan Johor (SOJC) kali kelapan mendapat tajaan berjumlah RM2.1 juta yang akan berlangsung selama lapan hari di Stadium Hoki Taman Daya, Johor Bahru bermula pada 6 Oktober ini.

Kejohanan itu mendapat tajaan kerajaan negeri berjumlah RM500,000; RITZ Corporation Holding Berhad dan Astaka Padu Sdn. Bhd. masing-masing menyumbang RM200,000; Johor Corporation, JBB Builders (M) Sdn. Bhd., UM Land dan Tenaga Nasional Berhad masing-masing menyalurkan RM100,000.

Turut memberi tajaan ialah

SAJ Holdings Sdn. Bhd., KH Land Sdn. Bhd., The Zon dan Iskandar Waterfront Holding Berhad, Genting Berhad yang masing-masing menyumbang RM50,000, manakala Berjaya Times Square pula menyumbang RM30,000.

Penajaan tersebut diserahkan kepada Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim selaku wakil rasmi kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan negeri, Mohd. Khuzzan Abu Bakar; Pegawai Kewangan negeri, Datuk A. Rahim Nin; Datuk Bandar Johor

Bahru, Amran Rahman dan Timbalan Presiden Persatuan Hoki Johor (PHJ), Datuk Majid Manjit Abdullah yang juga Naib Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).

Menurut Mohd. Khuzzan, sebanyak enam negara akan berentap dalam SOJC kali ini iaitu Malaysia, New Zealand, Australia, India, Great Britain dan Jepun.

"Kita harap pasukan Malaysia akan berjuang habis-habisan dan kita sasarkan mereka untuk menduduki tempat kedua pada kali ini," katanya.

Dalam pada itu, Majid pula berkata, pihaknya menerima banyak permohonan untuk menyertai SOJC kali ini tetapi terpaksa mengehadkan kepada enam pasukan.

Headline	SOJC 2018 dapat tajaan korporat berjumlah RM2.1 juta		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	62
ArticleSize	265 cm ²	Journalist	MOHD. IZUAN
PR Value	RM 20,711		



TUNKU ABDUL RAHMAN (tengah) melihat trofi yang menjadi rebutan enam pasukan pada kejohanan Hoki Antarabangsa B-21 SOJC di Johor Bahru semalam.